

سولان موزز نور ملنئ



# SUARA

MUZIUM • KELANTAN



## PENGERUSI MUZIUM



Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh

Ahmadullah syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya Suara Muzium dapat diterbitkan.

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada sidang redaksi khususnya dalam menerbitkan Suara Muzium. Diharapkan Suara Muzium ini dapat memberi gambaran mengenai peranan dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan.

Akhir kata, saya berharap banyak lagi aktiviti permuziuman dapat dilaksanakan dimasa akan datang demi untuk mencapai visi dan objektif penubuhan muzium. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan aktiviti permuziuman.

**YB. Dato' Mejar (B) Haji Md. Anizam bin Ab. Rahman**  
Pengerusi  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

## PENGARAH MUZIUM



Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh

Ahmadullah syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izinya suara muzium dapat diterbitkan dan diharapkan dapat memberi gambaran mengenai peranan dan program yang telah dilaksanakan.

Sehingga Mei 2015, pelbagai program dan aktiviti pemuziuman telah dilaksanakan terutama pameran berkala dalam usaha untuk menarik lebih ramai pegunjung ke muzium.

Selain itu program jati diri untuk memupuk semangat kerja berpasukan telah diadakan iaitu acara sukan lasak mendaki gunung, forum, bengkel, kegiatan amal dan kebajikan.

Akhir kata terima kasih yang tidak terhingga kepada Pengurus dan Ahli-Ahli Lembaga Perbadanan Muzium Negeri Kelantan di atas sokongan dan galakan dalam menjayakan semua aktiviti permuziuman.

**Dr. Hj. Nik Mohd Azlan bin Abd. Hadi**  
Pengarah  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

## KETUA EDITOR



Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh

Bersyukur kehadrat Allah S.W.T Suara Muzium Bil 2/2015 dapat diterbitkan dengan pelbagai aktiviti dan program yang telah dilaksanakan.

Suara Muzium kali ini turut dimuatkan dengan aktiviti dan program yang telah dilaksanakan sehingga pertengahan tahun 2015. Ini termasuklah pameran berkala, seminar, forum, bengkel, lawatan dan sukan.

Ucapan terima kasih kepada sidang redaksi yang telah berusaha menerbitkan Suara Muzium kali ini.

Sekian terima kasih

**Wan Jaafar bin Jusoh**  
Ketua Editor.

# SIDANG redaksi

Diterbitkan oleh unit pengurusan :-  
**PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN,**  
JALAN HOSPITAL, 15000 KOTA BHARU, KELANTAN.  
No. Tel: 09-748 2266 Fax: 09-748 3366  
email: [muzium@kelantan.gov.my](mailto:muzium@kelantan.gov.my)

### PENASIHAT

Dr. Hj. Nik Mohd Azlan bin Abd. Hadi

### KETUA EDITOR

Wan Jaafar bin Jusoh

### EDITOR

Dato' Hj. Salleh bin Mohd Akib  
Abustarim bin Yaacob  
Muhammad Aluwi bin Che Ali  
YM Tengku Kamarul Nizen  
Roslan bin Ibrahim  
Tarmizi bin Taib

### REKA BENTUK & REKA LETAK

Nik Mohd Izwan bin Nik Annuar  
Mohd Ali Riduan bin Daud

### JURU FOTO

Sabki bin Ibrahim

# AHLLI LEMBAGA

PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN  
2014 - 2016



YB. Dato' Hj. Nik Kazim  
bin Hj. Nik Yusoff  
(Ahli)



YB. Dato' Hj. Hassan  
bin Mohamood  
(Timb. Pengurus)



YB. Dato' Mejar (B) Hj. Md.  
Anizam bin Ab. Rahman  
(Pengerusi)



YB. Dato' Hj. Mohd Faudzi  
bin Che Mamat  
(Ahli)



YM. Dato' Dr. Tg. Mohamed  
Fazilharudean bin  
Tg Feissal  
(Ahli)



YBrs. Prof. Dr. Harun @  
Che Harun bin Daud  
(Ahli)



YABrs. Dr. Zainah  
binti Ibrahim  
(Ahli)



YABrs. En. Wan Jamaluddin  
bin Wan Yussof  
(Ahli)



YBhg. Dato' Mirza  
Mohammad Taiyob Beg  
(Ahli)



YBhg. Dato' Nik Mohamed  
bin Nik Mohd Salleh  
(Ahli)



YABrs. En. Abdul Jabar  
bin Mohd Ridzuan  
(Ahli)



YBhg. Dato' Hj. Salleh  
bin Mohd Akib  
(Ahli)

YABrs. Dr. Hj. Nik Mohd  
Azlan bin Abd. Hadi  
(Setiausaha)



YB. Dato' Hj. Takiyuddin  
bin Hj. Hassan  
2000 - 2013



YB. Dato' Hj. Rozali  
bin Isohak  
1990 - 1996



YB. Dato' Ariffin  
bin Said  
1980 - 1985



YAB. Dato' Hj. Mohamed  
bin Nasir  
1977 - 1978



YB. Dato' Hj. Halim  
bin Mohamed  
1996 - 2000



YB. Dato' Ahmad Rastom  
bin Hj. Ahmad Maher  
1985 - 1990



YB. Dato' Hj. Hussein  
bin Ahmad  
1978 - 1980

# SHAHARURUSZEN PENGARAH PENANAMAN MAWA



YABrs. Tn. Hj. Wan Mohd  
Suhaimi bin Wan Mustapha  
2013 - 2014



YABrs. Tuan Hj. Fauzi  
bin Mat  
2009 - 2010



YABrs. Tuan Hj. Zawawi  
bin Muhamad  
2006 - 2007



YABrs. En. Abdullah  
bin Abdul Ghani  
1995 - 2000



YABrs. Hj. Wan Ali  
Wan Ahmad  
1978 - 1993



YABrs. En. Abdul Rahman  
bin Abdullah  
2010 - 2013



YABrs. Tuan Hj. Alimin  
bin Haji Omar  
2007 - 2009



YABrs. En. Ahmad Robert  
bin Abd Rahim  
2001 - 2005



YABrs. En. Abdul Rahman  
bin Abdullah  
1993 - 1995



# pameran BAH KUNING

Pada 18 hingga 29 Disember 2014, sekali lagi Negeri Kelantan dilanda banjir yang dianggap paling buruk, luar biasa dan diluar jangkaan yang boleh diistilah sebagai tsunami air sungai. Banjir ini dikenali sebagai Bah Kuning. Sebagai usaha untuk mengumpul dan mendokumentasi bahan-bahan mengenai peristiwa banjir di atas, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah mengambil inisiatif mengadakan satu pameran Bah Kuning bertempat di Muzium Negeri dan diikuti pameran bergerak ke jajahan Kuala Krai, Pasir Putih, Hotel Shangri-La Kuala Lumpur dan berakhir di Stadium Sultan Muhammad keIV. Pameran ini telah dilancarkan pada 16 Februari 2015 oleh YB Dato' Mejar ( B ) Hj Md Anizam bin Ab Rahman Pengurus Kebudayaan, Kesenian dan Warisan negeri kelantan merangkap Pengurus Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



KDYMM Sultan Muhammad V dan YTM Tg. Mahkota Kelantan berangkat melawat pameran Bah Kuning di Shangri-La hotel Kuala Lumpur



Menteri Besar Kelantan diiringi oleh Pengurus Perbadanan Muzium Negeri Kelantan melawat pameran



# BENGKEL KONSERVASI CATAN

handling and condition report



En. Aminuddin bin Ahmad memberi penerangan mengenai kerja konservasi



Peserta bengkel membuat kerja konservasi catan

Bagi tujuan pemuliharaan koleksi lukisan, Balai Seni Lukis Kelantan telah mengambil usaha mengadakan bengkel konservasi catan: Handling dan condition report kepada kakitangan muzium selama empat hari bermula 15 Mac hingga 18 Mac 2015 bertempat di Balai Seni Lukis Kelantan Jalan Sultan Ibrahim Kota Bharu. Bengkel ini pada dasarnya dibahagi kepada dua segmen iaitu ceramah dan amali berkaitan dengan kerja konservasi catan. Ini termasuklah pengenalan jenis media dan kerosakkan serta kaedah pemulihan, lukisan permukaan catan: Backing board dan camy living.

Penceramah dan pengendali bengkel diketuai oleh En. Aminuddin bin Ahmad Pengarah bahagian koleksi dan konservasi Balai Seni Lukis Negara Kuala Lumpur. Secara keseluruhan bengkel ini telah berjaya memberi pendedahan kepada kakitangan muzium khususnya dalam kerja-kerja konservasi catan: Handling dan Condition.

# PAMERAN TOK GURU

Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Mat merupakan seorang tokoh agama dan politik yang terkemuka serta merupakan Mantan Menteri Besar Kelantan bermula tahun 1990 hingga 2013. Dalam aspek pentadbiran beliau telah menunjukkan model kepimpinan terbaik kepada seluruh warga tadbir dan rakyat Kelantan. Selaku Menteri Besar Tuan Guru telah membuktikan keupayaan dan kecekapan memimpin. Pelbagai saranan dan pembaharuan dilaksanakan dan membuka mata bahawa Islam lebih layak mentadbir berbanding undang undang ciptaan manusia. Pastinya kejayaan ini dikenang zaman-berzaman.



Perbadanan Muzium Negeri Kelantan mengambil usaha menterjemahkan segala kejayaan ini ke dalam bentuk pameran yang telah diadakan di Muzium Islam dan telah dirasmikan oleh YAB Ustaz Dato' Hj Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan pada 8 April 2015.



Menteri Besar Kelantan diiringi oleh Pengurus Perbadanan Muzium Negeri Kelantan melawat pameran



Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) di Padang Gimlette  
(Pejabat Mara sekarang) Jalan Hospital, Kota Bharu

# SEJARAH

## SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN DARULNAIM

Pejabat Setiausaha Kerajaan juga pada masa itu dipercayai ditempatkan di Bangunan TAKDIR, Jalan Sultan Ibrahim di sebelah Pejabat Pos Lama. Bangunan tersebut kini menjadi Pejabat Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) dan Balai Seni Lukis Kelantan. Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dari tahun 1926 hingga tahun 1953 ialah Dato' Haji Abdullah bin Haji Salleh (Dato' Haji Che Lah bin Dato' Kaya Bakti) 1926 – 1933, Dato' Nik Ahmad Kamil bin Haji Nik Mahmud (bergelar Dato' Seri Setia Raja) 1933 – 1937 dan Tengku Mohd Hamzah bin Tengku Zainal Abidin (bergelar Tengku Sri Maharaja) 1937 -1953.

Dalam tahun 1942 iaitu dalam zaman pemerintahan Tentera Jepun sebuah bangunan baru Pejabat Setiausaha Kerajaan telah didirikan di Padang Gimlette Jalan Doktor pada masa sekarang telah didirikan Bangunan MARA Negeri Kelantan dan medan letak kereta. Mengikut cerita, bangunan kayu itu telah dipindahkan dari Temangan, Machang iaitu bangunan kepunyaan syarikat Bijih Jepun yang telah ditutup menjelang Perang Dunia Kedua pada tahun 1941.


Di dalam zaman Pemerintahan Tentera Jepun iaitu pada 20 Julai 1942 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah ditutup dan hal-hal yang pejabat yang dinamakan Somubu atau Pejabat Pentadbiran Am yang diketuai oleh Somubu-tyo dan jawatan ini disandang oleh seorang pegawai tentera Jepun. Sejak tarikh itu Setiausaha Kerajaan berkhidmat di bawah Somubu-tyo.

Pada 21 Oktober 1943, Pentadbiran Negeri Kelantan telah diserahkan oleh Jepun kepada Pentadbiran Tentera Thailand. Berikutnya Pejabat Setiausaha Kerajaan yang ditutup pada zaman Pemerintahan Tentera Jepun telah dibuka semula pada 6 Januari 1944.

\* sambungan terdahulu



Pejabat SUK Kota Darulnaim sekarang



YB. Dato' Hj. Mohd Faudzi bin Che Mamat  
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
2014 hingga sekarang


Jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan terus disandang oleh Tengku Mohd Hamzah bin Tengku Zainal Abidin (bergelar Tengku Sri Maharaja). Setiausaha Kerajaan kemudiannya ialah Dato' Haji Nik Daud bin Haji Nik Mat (bergelar Dato' Aria Diraja) 1953 – 1955 Dato' Syed Abdul Rahman bin Syed Abu Bakar Al-Kharid (bergelar Engku Sri Wangsa) 1955 -1958, Dato'Haji Hashim bin Haji Mohamad (Dato' Wira Jaya) 1958 -1971 Dato' Haji Nik Sulaiman bin Dato' Haji Nik Daud (Dato' Bentara Kiri) 1971 – 1981.

Pada tahun 1981 Dato' Haji Wan Mohamed bin Yusoff (Dato' Wira Jaya) telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan menggantikan Dato' Haji Nik Sulaiman yang telah bersara.

Pada awal tahun 1973, Pejabat Setiausaha Kerajaan telah dipindahkan ke Bangunan Setiausaha Kerajaan yang baru dibina, yang terletak di Jalan Hospital dan Jalan Doktor. Pada masa sekarang bangunan tersebut telah dijadikan sebagai kompleks pejabat Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (BRI).

Dengan siapnya bangunan baru di Kampung Puteh, Jalan Kuala Krai maka pada bulan Mac 1987 bermulalah era baru pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan di Kompleks "Kota Darulnaim".


Pameran ini merupakan kerjasama antara Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan Kementerian Kebudayaan India dan Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia. Sebanyak 40 buah fotografi Kaligrafi Islam hasil karya " calligrapher " terkenal dibawa khas dari Perpustakaan Rampur Raza India. Kaligrafi secara umumnya mempunyai maksud seni penulisan yang indah. Penulisan kaligrafi ini berasal dari bahasa Yunani iaitu Kallios Yang bererti indah dan Graphia yang bererti tulisan. Seni ini dicipta dan dikembangkan oleh kaum muslim sejak kewujudan Islam. Sebagai bahasa yang memiliki karakter lembut dan Artistik, huruf Arab adalah amat bersesuaian khususnya ayat-ayat Al-Quran dan Hadith dalam menulis khat. Pameran ini telah diadakan di Muzium Islam dan telah disempurnakan perasmianya oleh YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob pada 14 Mei 2015.



YAB, Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob,  
Menteri Besar Kelantan merasmikan pameran Fotografi  
Kaligrafi Islam

## pameran fotografi

# Kaligrafi Islam



### MELAWAT PAMERAN

YAB Dato' Menteri Besar  
Kelantan diiringi oleh YB. Dato'  
Pengerusi Muzium melawat  
pameran



# FESTIVAL dan pameran wayang kulit ANTARABANGSA

Festival dan pameran wayang kulit antarabangsa merupakan julung kali diadakan melibatkan Negara Malaysia, Indonesia dan Thailand. Festival dan pameran ini telah diadakan di Muzium Negeri Kelantan bermula 15 April hingga 15 Mei 2015 yang telah disempurnakan perasmianya oleh YB Dato' Hj Mohd Amar bin Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kelantan.



## MAJLIS PERASMIAAN

Majlis perasmian festival dan pameran wayang kulit antarabangsa 2015 oleh YB. Dato Hj Mohd Amar b. Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kelantan.



Bersempena dengan ini juga telah diadakan persembahan wayang kulit dari Negara Thailand, Negeri Kedah, Johor dan Kelantan bertempat di perkarangan Muzium Negeri. Aktiviti lain adalah membuat wayang kulit, pertandingan mewarna dan pertandingan dalang muda untuk memeriahkan lagi festival ini.



# FORUM wayang kulit

Bersempena Festival dan Pameran wayang kulit Antarabangsa 2015. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah menganjurkan satu Forum khas mengenai wayang kulit yang bertajuk "PERMAINAN WAYANG KULIT MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM" pada 5 Mei 2015 bertempat di Balai Cik Siti Wan Kembang Muzium Negeri.

Forum ini diadakan untuk menjelaskan beberapa isu tentang permainan wayang kulit dengan lebih mendalam, terutama bagi melihat persembahan wayang kulit dalam konteks pemikiran cara Islam. Empat orang ahli panel telah dijemput khas iaitu Dato' Dr. Ghulam Sawar Yousuf, En. Mohamad Daim bin Othman, En. Siri Neng Buah dan Ustaz Haji Mohd Saiba bin Yaakob yang dipengerusikan oleh Dr. Hj. Nik Mohd Azlan bin Abd. Hadi, pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Seramai lebih 100 orang telah hadir mengikuti forum ini yang terdiri daripada pelajar institut pengajian tinggi dan penggiat seni wayang kulit. Secara keseluruhan forum ini telah berjaya merungkai isu-isu yang berkaitan dengan permainan wayang kulit, khasnya dalam konteks agama Islam.



Dalang Muda sedang membuat persembahan wayang kulit



## MAJLIS PERASMIAN

*YB. Dato Mejar (B) Hj. Md.  
Anizam bin Abdul Rahman  
merasmikan Forum Wayang  
Kulit Antarabangsa  
pada 5 Mei 2015*

Bersempena Festival dan Pameran Wayang Kulit Antarabangsa, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah menganjurkan Pencarian Dalang Muda Wayang Kulit Kelantan yang diadakan pada 12, 13 dan 16 Mei 2015. Pertandingan ini disertai oleh 10 orang dalang dan setiap dalang diberikan 30 minit untuk membuat persembahan. Pertandingan ini dihakimi oleh YBrs En. Abdul Rahman bin Abdullah selaku ketua juri dan dibantu oleh tiga orang juri lain. Pencarian Dalang Muda Wayang Kulit Kelantan telah dimenangi oleh Mohd Nor bin Yaacob dari Kampung Mesira, Palekbang, Kelantan. Hadiah telah disampaikan oleh Penolong Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, YBrs. En. Abustarim bin Yaacob.



bengkel pembuatan

# wau tradisi

2015



YB. Dato' Pengurus Muzium melawat bengkel pembuatan wau

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan kerjasama Persatuan Pelayang Negeri Kelantan telah berjaya mengadakan bengkel wau tradisi Negeri Kelantan pada 12 hingga 13 Mei 2015 bertempat di Muzium Wau, Pantai Sri Tujuh, Tumpat Kelantan.

Antara objektif bengkel ini ialah bagi menghasilkan wau tradisi mengikut spesifikasi dan justifikasi yang tepat. Menerusi bengkel ini peserta juga didedahkan dengan teknik-teknik membuat wau tradisi seperti wau bulan, wau kucing dan jala Budi. Peserta seramai 40 orang telah dibimbing oleh Persatuan Pelayang Kelantan sebagai pengajar. Hasil kerja peserta menjadi hak milik dan koleksi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan dipamerkan di Muzium Wau, Pantai Sri Tujuh, Tumpat Kelantan.

Pelancaran bengkel ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Mejar (B) Hj Md Anizam Bin Ab Rahman Pengurus Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Kelantan merangkap Pengurus Muzium Kelantan.



lawatan peserta

# pesta wau

Antarabangsa 2015

## PENYERAHAN WAU

*Peserta Pesta Wau  
Antarabangsa menghadiahkan  
wau kepada Pengarah  
Muzium Kelantan*



Bersempena Pesta Wau Antarabangsa di Pantai Geting Tumpat, peserta daripada 20 buah Negara telah berkesempatan melawat Muzium Wau di Pantai Sri Tujuh. Sebagai tanda kenangan mereka telah menghadiahkan wau dari Negara masing masing pada 28 Mei 2015.

Majlis penyerahan dihadiri oleh Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, YABrs Dr. Hj. Nik Mohd Azlan bin Abd. Hadi. Turut hadir ialah Pengarah Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan YABrs En. Zamri bin Ibrahim, YBrs. Presiden Pelayang Malaysia Hj. A. Rahim bin Hj. Nin dan Presiden Persatuan Pelayang Negeri Kelantan, YBrs Tn. Haji Nik Arif bin Dato' Hj. Nik Hassan.



*Peserta Pesta Wau Antarabangsa bergambar kenangan di hadapan Muzium Wau*



# PROGRAM JATI DIRI

Aktiviti mendaki kini semakin popular tidak mengira usia dan bangsa. Pengemar sukan lasak seperti mendaki gunong ini semestinya mempunyai tahap kesabaran dan daya tahan yang tinggi.

Bagi tujuan meningkatkan jati diri, semangat kerja berpasukan, kesihatan, ketahanan fizikal dan mental, pihak kelab sukan dan kebajikan Muzium Negeri Kelantan telah menganjurkan XPDC ke Bukit Bakar, Gunung Tebu dan Gunung Stong sebagai persediaan awal sebelum XPDC seterusnya menawan Gunung Tahan dan Gunung Burni Telong serta Gunung Seulawah Agam Aceh, Indonesia.

Aktiviti yang dianjurkan ini telah disertai oleh 18 orang kakitangan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang dipandu oleh En Marzuki, dari Persatuan Pendaki Muslim Kelantan.



Mendaki Gunung Tebu di Hulu Terengganu



Bersiap sedia untuk mendaki Bukit Bakar di Machang.

### LAWATAN RASMI

*TYT Dr. Makio Miyagawa melawat pameran di muzium perang*

# lawatan rasmi **KE MUZIUM**

*TYT Dr. Makio Miyagawa disambut oleh pengurus dan pengarah muzium Kelantan*


Tuan Yang Terutama Dr. Makio Miyagawa dalam rangka lawatan rasmi ke Kelantan telah berkesempatan melawat Muzium Perang dan Muzium Negeri pada 17 Mei 2015 dan disambut oleh Pengurus Perbadanan Muzium Negeri Kelantan YB Dato' Mejar (B) Hj Md Anizam Ab Rahman dan Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan YABrs Dr. Hj. Nik Mohd Azlan b. Ab. Hadi



*TYT Dr. Makio Miyagawa melawat pameran wayang kulit di muzium negeri*



# lawatan rasmi ke **MUZIUM**



Pada 14 Mei 2015, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah menerima lawatan rasmi daripada Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Shri TS Tirumurti sempena festival dan pameran wayang kulit antarabangsa di Muzium Negeri. Beliau telah disambut oleh Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, YABrs Dr. Hj. Nik Mohd Azlan bin. Abd. Hadi serta kakitangan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



*Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia diiringi Pengarah Muzium Kelantan melawat pameran*

kenali muzium

# BANK KERAPU

*memorial peperangan dunia II*



Bangunan Memorial Peperangan Dunia II ini pada asalnya merupakan sebuah bank perdagangan pertama di Kelantan iaitu "The Marcentile Bank of India". Selepas Perang Dunia II, ia diambil alih oleh "The Hongkong & Shanghai Bank".

Dalam masa pendudukan Jepun 1941-1945, bangunan ini digunakan sebagai Pejabat Polis Rahsia Jepun "KAMPETAI" dan lokap tempat siasatan mereka-mereka yang anti Jepun. Bertepatan dengan Kelantan yang merupakan sasaran pertama Tentera Jepun dalam usaha menakluki Tanah Melayu dalam Peperangan Dunia II, bangunan ini

telah dinaik taraf sebagai Memorial Peperangan Dunia II dan perasmian pembukaannya telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra pada 1 Ogos 1994.

Di galeri bawah memorial dipamerkan keterangan-keterangan, gambar-gambar dan bahan-bahan yang berkaitan dengan Peperangan Dunia II, khususnya di Kelantan. Ini termasuklah serangan Jepun ke atas Kelantan mengikut kronologi. Pertahanan Tentera British, Zaman Pemerintahan Jepun sehingga Jepun menyerah kalah dengan gugurnya bom atom di Hiroshima dan Nagasaki.



Sehubungan dengan itu dipamerkan juga kelahiran Semangat Nasionalisme, Persekutuan Tanah Melayu, Kemerdekaan dan Penubuhan Malaysia. Di galeri atas (tingkat satu) dipamerkan sejarah Kelantan di bawah pentadbiran British dan Siam (Thailand) serta Kelantan sebelum dan selepas Merdeka.

Di bahagian luar galeri terdapat Replika Kubu Kebal "Pillbox" Pertahanan British yang banyak terdapat di sepanjang pantai dari Tumpat ke Bachok, kereta perisai dan jenis-jenis pengangkutan darat yang digunakan sebelum Merdeka.

# Berita Staf

## TAHNIAH



PENGARAH DAN SEMUA  
KAKITANGAN PERBADANAN  
MUZIUM NEGERI KELANTAN  
MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN  
SELAMAT PENGANTIN BARU KEPADA  
ENCIK HUSNI FAIZAL AZAM DAN ISTERI  
PUAN INTAN FADILA  
DI ATAS PERKAHWINAN MEREKA.

25 APRIL 2015  
MAJLIS AKAD NIKAH

27 APRIL 2015  
MAJLIS MENYAMBUT MENANTU

## ANUGERAH KHAS

1. EN. NIK MOHD IZWAN
2. NIK ANWAR
2. EN. MOHD ROFI B. HASSAN



## PEKERJA CONTOH

1. EN. ROSLAN B. IBRAHIM
2. EN. MOHD TARMIZI B. TAIB
3. EN. WAN JAAFAR B. YUSOF
4. PN. SAPINAH BT. ARIFIN
5. PN. ZUHAINI BT. MOHD ZAIN
6. EN. ROSLAN B. ABU BAKAR
7. EN. ROSLI B. YUSOF
8. WAN MOHD HANAFI B. MOHD NOR



# BUKU TERBITAN

PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN



**TERBARU!!**

WARISAN KELANTAN  
Jilid ke 32

Sebarang pertanyaan dan tempahan sila hubungi:

PN. RURAIDA BINTI DAUD

PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN, JALAN HOSPITAL,  
15000 KOTA BHARU KELANTAN.

NO. TEL: 09-748 2266 FAX: 09-748 3366

Email: muzium@kelantan.gov.my Web: [www.muzium.kelantan.gov.my](http://www.muzium.kelantan.gov.my)

THE CRADLE OF MALAY CULTURE

# MUZIUM KELANTAN



MUZIUM NEGERI



MUZIUM PERANG



MUZIUM KRAFTANGAN



MUZIUM ISLAM



MUZIUM DIRAJA



BALAI SENILUKIS



MUZIUM WAU



**Dibuka / Open** Sabtu - Khamis . Saturday - Thursday 830 pm - 445 pm

**Tiket / Tickets** Warganegara Malaysia / Malaysian Citizen : Dewasa / Adults RM 2.00.  
Kanak-kanak / Children : RM 1.00

**Perbadanan Muzium Negeri Kelantan** Jln Hospital, 15050 Kota Bharu, Kelantan  
Tel 609 748 2266 Fax 609 747 3366 Email kelantanmuzium@muzium.net  
Website [www.kelantanmuzium.net](http://www.kelantanmuzium.net)